



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**PANDANGAN DAN INTERAKSI ‘ABD ALLĀH AL-GHUMĀRĪ
TERHADAP HADIS AL-MAHDAWIYYAH**

**[‘ABD ALLĀH AL-GHUMĀRĪ’S OPINION AND INTERACTION
ON AL MAHDAWIYYAH HADITHS]**

MUHAMMAD ZULHELMI SIDEK^{1*}
LATIFAH ABDUL MAJID²

Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author: zulhelmsidek1996@gmail.com

Received Date: 23 June 2020 • Accepted Date: 30 August 2022

Abstrak

Kemunculan Imam Mahdi merupakan sebahagian daripada tanda berlakunya Hari Kiamat dan perkara ini telah menjadi pegangan akidah umat Islam secara majoriti. ‘Abd Allāh al-Ghumārī (w.1993) antara ulama yang membincangkan hal ini dengan begitu terperinci di dalam kitabnya bertajuk *al-Mahdī al-Muntazar*. Pegangan dan kepercayaan ini terbina daripada hadis-hadis *al-Mahdawiyyah* yang diriwayatkan oleh para sahabat daripada Rasulullah SAW secara *mutawātir*. Namun begitu, terdapat beberapa kelompok ilmuwan yang menolak kebenaran Imam Mahdi dan mempertikaikan tahap mutawatir hadis *al-Mahdawiyyah*. Di samping itu, berlaku khilaf antara ulama tentang pensabitan Imam Mahdi. Keadaan bertambah kritikal apabila wujud pelbagai golongan yang mendakwa akan datangnya Imam Mahdi itu dalam kalangan mereka dan wujudnya salah faham tentang konsep *al-Mahdī* tidak selari dengan apa yang telah digariskan oleh ulama Ahli Sunnah wal Jamaah. Metode penulisan artikel ini mengaplikasikan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan berfokuskan kepada karya ‘Abd Allāh al-Ghumārī dan disokong beberapa literatur yang berkaitan. Seterusnya, data yang diperoleh dalam kajian ini dianalisis secara deskriptif dan tematik. Artikel ini mengungkapkan konsep *al-Mahdī* dan kemutawatiran hadis *al-Mahdawiyyah* daripada sudut pandangan ‘Abd Allāh al-Ghumārī. Beliau dilihat konsisten dalam mengemukakan hujah kewujudan Imam al-Mahdi dan seterusnya menjawab permasalahan berkaitan hadis *al-Mahdawiyyah* dalam kerangka kepakarannya sebagai seorang *muhaddith*.

Kata Kunci: Imam Mahdi, *al-Mahdawiyyah*, ‘Abd Allāh al-Ghumārī, deskriptif, tematik.

Abstract

The emergence of Imam Mahdi is part of the sign of the Day of Judgment and this has become the majority of Muslim faiths. ‘Abd Allāh al-Ghumārī (w.1993) is among the scholars who have

discussed this matter so thoroughly in his book titled al-Mahdī al-Muntazar. These faiths and beliefs have been built from the al-Mahdawiyyah hadiths that were narrated by the companions from the Rasulullah SAW succesively. However, there are several scholars who have rejected the truth of Imam Mahdi and dispute the succesive level of al-Mahdawiyyah hadiths. In addition, there has been a contradiction between the scholars about the conviction of Imam Mahdi. The situation is increasingly critical when there are various groups who claim that Imam Mahdi will come from among them and there is a misunderstanding about the concept of al-Mahdī with guidelines have been gazetted by Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah scholars. The writings method of this article has applied the qualitative design by using the content analysis approach focusing on the work of ‘Abd Allāh al-Ghumārī and supported by some relevant literature. Next, the data obtained in this study was analysed descriptively and thematically. This article reveals the concept of al-Mahdī and the succesive of al-Mahdawiyyah hadiths from the point of view of ‘Abd Allāh al-Ghumārī. He was seen to be consistent in presenting his opinion on the existence of Imam Mahdi and he had answered the problem of the al-Mahdawiyyah hadiths in his expertise as a muhaddith.

Keywords: Imam Mahdi, al-Mahdawiyyah, ‘Abd Allāh al-Ghumārī, descriptive, thematic.

Cite as: Muhammad Zulhelmi Sidek & Latifah Abdul Majid. 2022. Pandangan Dan Interaksi ‘Abd Allāh al-Ghumari Terhadap Hadis al-Mahdawiyyah [‘Abd Allah al-Ghumari’s Opinion And Interaction On al-Mahdawiyyah Hadiths]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 101-117.

PENGENALAN

Beriman kepada Hari Kiamat merupakan rukun daripada rukun iman dan akidah daripada akidah Islam yang asas. Kemudian, beriman kepada apa yang terjadi pada Hari Kiamat dan tanda-tandanya merupakan beriman dengan perkara ghaib yang hanya dapat dicerap melalui akal dan mengetahuinya hanya dengan jalan *naş* dan wahyu (al-Wābil 1994). Allah SWT telah berfirman:

وَأَنَّ السَّاعَةَ آتِيَةٌ لَا رَيْبَ فِيهَا وَأَنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ مَنْ فِي الْقُبُورِ ۝٧

Terjemahan: Dan bahawa sesungguhnya Hari Kiamat itu tetap akan datang, tidak ada sebarang syak padanya dan bahawa sesungguhnya Allah akan membangkitkan (menghidupkan semula) orang-orang yang di dalam kubur (al-Hajj 22: 7)

Al-Quran telah mengkhabarkan tentang berlakunya Hari Kiamat pada banyak tempat sementara hadis pula berperanan menyebutkan apa yang tidak disebutkan oleh al-Quran iaitu perincian dan tanda-tandanya. Al-Quran dan Sunnah merupakan suatu pegangan yang bersifat benar, sempurna dan tetap serta dan tidak akan berubah dalam apa sentiasa di dalam apa jua

keadaan sekalipun (Aminudin Basri & Akila Mamat 2016). Dalam membicarakan hadis *fitan*, hadis *al-malāḥim* dan hadis *ashrāt al-sā'ah* pula, ia sangat berkait rapat dengan seorang sahabat Rasulullah yang banyak meriwayatkan hadis perihal akhir zaman sehingga digelarkan sebagai pemegang rahsia Rasulullah SAW iaitu Hudhaifah Ibn al-Yaman (Hibbi Farihin 2016). Menurut al-Maqdisī (w.685H), beliau adalah sahabat yang mendapat pengkhususan daripada Rasulullah tentang *fitan* dan cabang-cabangnya, cara bagaimana hendak melaluinya dan cara menyelamatkan diri daripadanya (al-Maqdisī 1989). Perbahasan hadis akhir zaman atau *fitan* ini sedikit berbeza dengan hadis yang lain berikutan ianya bersifat ramalan atau sejarah masa hadapan (*predictive*) dan belum boleh dipastikan waktu berlakunya secara tepat (Misbahuddin 2018). Tidaklah diketahui fitnah tersebut kecuali dengan nas daripada Rasulullah SAW dan fitnah itu telah diberitahu lebih awal sebelum ianya berlaku agar umat Rasulullah SAW dapat bersiap siaga dan mampu menyelamatkan diri daripada dan secara tidak langsung ianya merupakan lambang kesempurnaan kasih sayang dan syafaat Rasulullah SAW kepada umatnya (al-Maqdisī 1989).

Para ulama telah mengarang banyak karya yang menghuraikan tanda Kiamat (*ashrāt al-sā'ah*) berdasarkan hadis *fitan* sama ada menceritakan tentang tanda keseluruhannya atau khusus kepada tanda kecil atau besar sahaja. Artikel ini memfokuskan kepada tanda besar yang pertama iaitu turunnya Imam Mahdi. Ramai ulama Ahli Sunnah wa al-Jamaah telah memberikan takrif bagi *al-Mahdī*. Antaranya al-Walid (2002) menyatakan *al-Mahdī* merupakan seorang lelaki daripada kalangan *ahl al-bayt* Nabi SAW, seorang yang berilmu pengetahuan dan pembaharu (*mujaddid*) dalam agama. Allah SWT memilihnya untuk memuliakan serta memimpin Islam dan orang muslimin. *Al-Mahdī* akan memenuhi dunia ini dengan keadilan dan *rahmah* setelah dunia ini dipenuhi dengan kezaliman dan kerosakan. Selain itu, al-Barzanji (2005) mendatangkan pengenalan yang sedikit terperinci mengenai *al-Mahdī* iaitu seorang lelaki yang bernama Muhammad (sebahagian ulama mengatakan namanya Ahmad), yang dilahirkan di Madinah, digelarkan sebagai *al-Mahdī* dan gelarannya adalah Abu 'Abd Allāh al-Mahdī akan diba'at pada umur 40 tahun atau lebih awal. Pentakrifan ini kelihatan hampir sama pada asasnya, maka al-Wābil (1994) mentakrifkan *al-Mahdī* sebagai seorang lelaki yang namanya seperti Rasulullah dan bapanya seperti nama bapa Rasulullah, ia datang daripada zuriat Fatimah binti Rasulullah kemudian jalur keturunan daripada Hassan bin Ali dan dia akan keluar pada akhir zaman untuk memerintah dengan pemerintahan Islam selama 7 tahun.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

- a. Memahami konsep *al-Mahdī* dan kemutawatiran hadis *al-Mahdawiyyah* menurut ulama Ahli Sunnah wa al-Jamaah.
- b. Mengetahui sudut pandang 'Abd Allāh al-Ghumārī tentang perbahasan *al-Mahdī* dan hadis *al-Mahdawiyyah* dalam kitabnya *al-Mahdī al-Muntaẓar*.

PERSOALAN KAJIAN

- a. Apakah *al-Mahdī* dan kemutawatiran hadis *al-Mahdawiyyah* menurut ulama Ahli Sunnah wa al-Jamaah.
- b. Bagimanakah sudut pandang ‘Abd Allāh al-Ghumārī tentang perbahasan *al-Mahdī* dan hadis *al-Mahdawiyyah* dalam kitabnya *al-Mahdī al-Muntaẓar*.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini mengaplikasikan metodologi jenis kualitatif sebagai teras kajian dan reka bentuk kajian adalah khusus kepada analisis kandungan (*content analysis*). Maklumat ini diperoleh daripada literasi kepustakaan, literasi kesusasteraan (Ahmad Munawar & Nor Shahizan 20117) dan karya para ulama Ahli Sunnah wa al-Jamaah. Melalui kaedah ini, pengumpulan data melalui kajian perpustakaan diaplikasikan untuk mengumpulkan data-data serta menganalisis tema dan pengaruh dalam kitab yang menjadi limitasi kajian. Ia juga kajian yang meneliti literasi kepustakaan, literasi kesusasteraan dan manuskrip. Antara bahan kajian yang menjadi fokus adalah karya-karya yang berkaitan dengan perbahasan hadis *fitan*, tanda-tanda Hari Kiamat dan Imam Mahdi seperti *Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah wa al-Athār fī al-Mahdī al-Muntaẓar*, *al-Idhā’ah Li Mā Kāna Bayna Yadaiyya al-Sā’ah*, *Al-‘Aqd al-Durar fī Akhbār al-Muntaẓar*, *al-Ishā’ah li Asyrāt al-Sā’ah* dan *al-Mahdī al-Muntaẓar fī Dhau’ al-Ahādīth wa al-Athār al-Ṣaḥīhah wa Aqwāl al-‘Ulamā’ al-Firāq al-Mukhtalifah*. Bahan yang paling utama yang menjadi fokus artikel ini adalah karya ‘Abd Allāh al-Ghumārī itu sendiri iaitu *al-Mahdī al-Muntaẓar* seperti yang dinyatakan pada tajuk dan objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN

Hadis *al-Mahdawiyyah* Dan Penghujahan Kemutawatirannya

Rasulullah telah menyebutkan khabar dan isyarat mengenai Imam Mahdi kepada para sahabat dengan periwayatan yang pelbagai daripada aspek kesahihan dan kedaifannya. Telah menjadi suatu kewajaran umat Islam untuk menerima riwayat yang benar daripada Nabi SAW dan beriman dengannya, ini termasuk pada perbahasan hadis *al-Mahdawiyyah* (al-Bustawī 1999). Walau bagaimanapun, riwayat yang mutawatir lebih-lebih lagi masyhur dalam kalangan umat Islam ini tidak terlepas daripada pihak-pihak yang mengingkari hadis *al-Mahdawiyyah* sama ada menisbahkan kepada individu yang mengaku diri mereka itu *al-Mahdī* ataupun mengingkari kemunculan *al-Mahdī* secara keseluruhannya.

Hadis *al-Mahdawiyyah* boleh dimaksudkan sebagai hadis-hadis yang menyebutkan tentang kemunculan *al-Mahdī* beserta ciri-ciri, tanda dan peranannya (Muhammad Rikza 2019). Kajian ini pada peringkat awal mendapati bahawa majoriti ulama bersepakat akan pensabitan dan kemutawatiran hadis *al-Mahdawiyyah*. Sebelum membahaskan tentang kemutawatirannya, adalah menjadi keperluan untuk memahami tentang definisi dan huraian pengistilahan mutawatir menurut ahli hadis (*muḥaddithīn*). Menurut Mahmūd Ṭaḥḥān (2012), mutawatir adalah hadis yang mempunyai bilangan perawi yang ramai pada setiap tabaqah

sanad sehingga akal menolak kemungkinan mereka bersepakat untuk berdusta atau berlaku pendustaan melalui hadis yang diriwayatkan oleh mereka. Ianya dilihat selari dengan konteks huraian Nuruddin 'Itr (w.2020H) mutawatir ialah hadis yang diriwayatkan oleh ramai perawi sehingga mustahil untuk ada persepakatan untuk melakukan pendustaan bermula awal sehingga hujung sanad dan disandarkan kepada perkara *hissī* (perkara yang boleh dicerap dengan pancaindera). Khilaf dalam kalangan ulama dalam menyatakan jumlah perawi sama ada 4 orang, 5 orang, 7 orang, 10 orang, 12 orang, 40 orang dan ada yang mengatakan 70 orang perawi (al-'Asqalāni 2018). Dalam perbahasan hadis mutawatir, ianya memberi faedah yang berbeza daripada jenis hadis lain iaitu mendatangkan natijah ilmu *al-darūri* atau boleh dikatakan sebagai *yaqīni*. Sesuatu yang bersifat *al-darūri* mesti dibenarkan dan diterima tanpa sebarang keraguan padanya (al-Ghourī 2013).

Perbahasan mengenai hadis *al-Mahdawiyyah* dalam artikel ini dibahagikan kepada beberapa pecahan iaitu:

1. Pandangan Ulama Terhadap Kemutawatiran Hadis *al-Mahdawiyyah*.

Majoriti para ulama telah menyebutkan tentang kemutawatiran hadis *al-Mahdawiyyah* di dalam kitab-kitab mereka. Abū al-Ḥasan al-Āburī (w.363H) menyebutkan bahawa khabar yang diriwayatkan daripada Rasulullah telah mencapai tahap mutawatir tentang penceritaan *al-Mahdī* yang mana beliau merupakan daripada *ahli bayt* dan memerintah selama tujuh tahun. Al-Mahdī akan keluar sebelum daripada turunya Nabi Isa A.S keluar dan akan menolongnya untuk membunuh Dajjal. Beliau akan memimpin umat Islam dan seterusnya Nabi Isa A.S akan solat di belakangnya (al-Wābil 1994). Senada dengan itu, al-Barzanjī (w.1103H) menyebutkan di dalam *al-Ishā'ah* bahawa bahagian ketiga daripada tanda besar yang sangat hampir kepada berlakunya hari Kiamat adalah sangat banyak antaranya ialah *al-Mahdī* dan ia merupakan tanda yang pertama. Beliau menambah lagi bahawa hadis berkaitan *al-Mahdī* itu mempunyai periwayatan yang pelbagai sehingga mencapai tahap *mutawātir ma'nawī* (al-Barzanjī 2005). Ia selari dengan apa yang disebutkan oleh al-Safārīnī (w.1188H) bahawa telah diriwayatkan banyak hadis berkenaan *al-Mahdī* sehingga sampai kepada *mutawātir ma'nawī* dan meluas dalam kalangan ulama sehingga menjadi suatu pegangan yang kukuh tentang kemunculannya. Kemudian telah disebutkan oleh sebahagian golongan ahli hadith tentang kemunculan *al-Mahdī* yang mana riwayatnya sangat banyak dan pelbagai termasuk yang diriwayatkan oleh tabi'in dan orang-orang yang selepasnya. Natijah daripada gabungan kolektif hadis *al-Mahdawiyyah* ini, maka ianya menjadi suatu ilmu yang bersifat *qat'i* (jazam dan putus) dan beriman dengan kemunculan *al-Mahdī* adalah wajib seperti apa yang ditetapkan oleh ahli ilmu seterusnya disusun di dalam akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah (al-Safārīnī 1981).

Selain itu, al-Syawkānī (w.1255H) di dalam risalahnya memberi penekanan tentang kemutawatiran hadis *al-Mahdawiyyah*. Disebutkan bahawa beliau menemui lebih kurang 50 hadis yang sampai ke tahap mutawatir sekiranya digabungkan bersama dan daripadanya berstatus *sahih*, *hasan* dan *daif*. Beliau sendiri menyatakan ianya benar-benar mutawatir tanpa ada keraguan dan syak (al-Syawkānī t.t).

Adapun *athār* daripada para sahabat juga banyak menceritakan mengenai *al-Mahdī* dan ianya diriwayatkan di dalam kitab hadis semisal *Kitāb al-Fitan* karya Nuaim bin Hammād. Berkata pula al-Qinnaui (w.1307H) bahawa hadis-hadis yang datang berkenaan *al-Mahdī* diteliti sangat banyak dan pelbagai sehingga mencapai tahap *mutawātir ma'nawi*. Ianya ditempatkan di dalam kitab-kitab *sunan*, *ma'ājim* dan *masānid*. (al-Qinnaui 1979). Kemudian, al-Kattāni (w.1345H) sendiri menyatakan di dalam kitabnya bahawa kesimpulan yang diperolehi daripada hadis-hadis yang membicarakan soal *al-Mahdī* ini merupakan hadis mutawatir. Ianya sama sebagaimana hadis berkenaan al-Dajjal dan penurunan Isa bin Maryam A.S (al-Kattāni 1980). Tuntas daripada persepakatan ini, jelaslah para ulama mengiktiraf akan kemunculan Imam Mahdi di akhir zaman berhujahkan kepada kemutawatiran hadisnya.

2. Ulama Yang Menyusun Hadis *al-Mahdawiyyah* Dalam Kitab Mereka.

Hadis berkenaan *al-Mahdī* atau hadis *al-Mahdawiyyah* telah diriwayatkan dan disusun oleh ramai ulama dan imam-imam di dalam *kitāb al-siḥah*, *kitāb al-sunan*, *kitāb al-ma'ājim*, *kitāb al-masānid* dan lain-lain. Ia disusun di dalam bab atau bahagian yang khusus menceritakan tentang *al-Mahdī* seperti Abū Dāud dalam *Sunan*, Tirmidhī dalam *Jāmi'*, Ibn Mājah dalam *Sunan*, al-Nasāi'e dalam *Sunan*, Ahmad dalam *Musnad*, Ibn Hibban dalam *Sahih*, al-Hakim dalam *Mustadrak*, Ibn Abī Syaibah dalam *Muṣannaf*, Nuaim bin Hammad dalam *Kitab al-Fitan*, Abū Nuaim dalam *Kitab al-Mahdī* dan *Hilyah*, Ṭabranī dalam tiga *Ma'ājim*, al-Bāwardī dalam *Ma'rifat al-Sahābah*, Abū Ya'lā al-Mausilī dalam *Musnad*, al-Bazzār dalam *Musnad*, Ibn 'Asākir dalam *Tārikh*, Ibn Mandah dalam *Tārikh Asbahān*, Abū 'Amrū al-Dānī dalam *Sunan*, al-Dailamī dalam *Musnad Firdaus*, Abū al-Husain al-Munādā dalam *Kitāb al-Malāhim*, al-Rūyānī dalam *Musnad*, Abū Ghanam al-Kūfī dalam *Kitāb al-Fitan*, al-Baihaqī dalam *Dalāil al-Nubuwwah*, Ibn Sa'ad dalam *Ṭabaqāt* dan selainnya (al-'Abbād 1996).

3. Ulama Yang Mengarang Kitab Khusus Mengenai *al-Mahdī*.

Para ulama telah berbakti sehabis baik dalam memelihara hadis Rasulullah SAW sama ada dalam bentuk susunan periwayatan atau proses mensyarahkan hadis. Hadis *al-Mahdawiyyah* yang terangkum di dalamnya telah dihuraikan dan dibahaskan oleh para ulama secara tekstual dan kontekstual. Sebahagian ulama menghimpunkan dan membahaskannya secara khusus dalam satu kitab yang tersendiri (al-'Abbād 1996). Kajian ini menemui beberapa karya yang khusus mengenai hadis *al-Mahdawiyyah* seperti karya al-Hāfiẓ Abū Bakar bin Abū Haithamah yang menghimpunkan hadis *al-Mahdawiyyah* dan fakta ini disebutkan oleh Ibn Khaldūn dalam *Muqaddimah* yang dinaqalkan daripada al-Suhailī (al-Wābil 1994). Dalam perbahasan yang sama, al-Suyūṭī (w.911H) juga ada mengarang satu juzuk yang dicetak sama di dalam al-Hawi (juzuk kedua), dinamakan sebagai *al-'Arf al-Wardī fī Akhbār al-Mahdī* menghuraikan perihal *al-Mahdī* dan sejumlah hadis diambil daripada himpunan hadis Abū Nu'aim. Al-Suyūṭī menyebutkan pada karyanya itu : “Segala puji bagi Allah dan sejahtera ke atas hamba-Nya, aku telah menghimpunkan di dalam juzuk ini hadis-hadis dan athar tentang *al-Mahdī* yang aku ringkaskan kepada 40 hadis daripada Abū Nu'aim (w.430H) dan kemudian aku tambah sejumlah hadis (200 hadis) yang aku simbolkan dengan huruf *kaf*”.

Seterusnya telah diketahui umum bahawa Ibn Kathīr (w.774H) juga ada mengarang kitab *al-Fitan wa al-Malāhim*, beliau telah mengasingkan suatu juzuk dalam karyanya itu untuk membahaskan tentang *al-Mahdī* (al-Wābil 1994).

Selain itu, Ibn Hajar al-Makki telah menamakan kitabnya *al-Qawl al-Mukhtaṣar fi Alāmāt al-Mahdī al-Muntazar* yang mana beliau juga menghuraikan tentang *al-Mahdī*. Fakta ini telah disebutkan oleh al-Barzanji dalam *al-Ishā'ah* dan al-Safārīnī dalam *Lawāmi' al-Anwār* (al-'Abbad 1996). Seterusnya, 'Alī al-Muttaqi al-Hindi penulis *Kanz al-'Ummāl* juga telah mengarang satu bahagian tentang *al-Mahdi* dan fakta ini telah disebutkan oleh Mullā 'Alī Qārī dalam *al-Mirqāt Syarah Misykāt*. Ṣadiq Hassan al-Qinnaujī juga telah menyebutkan bahawa al-Amīr Muhammad bin Ismail al-San'ānī (w.1182H) juga telah menghimpunkan hadis-hadis yang menjadi bukti kukuh tentang kemunculan *al-Mahdī* pada akhir zaman (al-Qinnauji 1979). Terdapat beberapa karya lain yang meyentuh secara khusus soal Imam Mahdi seperti *al-Masyrab al-Wardī fi Madhhab al-Mahdī* oleh Mullā 'Alī Qārī, *Fawā'id al-Fikr fi Zuhūr al-Muntazar* oleh Mar'ie bin Yūsuf al-Ḥanbalī, *al-Taudhih fi Tawātur Mā Jā'a fi al-Mahdī al-Muntazar wa al-Dajjāl wa al-Masīh*, *Al-'Aqd al-Durar fi Akhbār al-Muntazar* oleh Yūsuf bin Yahyā al-Maqdisi, *al-Mahdī al-Muntazar fi Dhaw' al-Aḥādīth wa al-Athār al-Sahīhah wa Aqwāl al-Ulamā' al-Firāq al-Mukhtalifah* oleh 'Abd al-'Alīm al-Bustawī dan *Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Athār fi al-Mahdī al-Muntazar* oleh 'Abd al-Muḥsin al-'Abbād.

4. Bidasan Ulama Terhadap Pihak Yang Mengingkari Dan Meragui Kehujahan Hadis *al-Mahdawiyyah*.

Kajian ini telah menyatakan tentang kesepakatan ulama terhadap hadis *al-Mahdawiyyah* daripada sudut tahap kemutawatirannya dan lambakkan karya ulama yang muktabar menulis tentang Imam Mahdi. Bukan sekadar itu, usaha ulama Ahli Sunnah wa al-Jamaah ini dilihat sangat progresif dalam menghuraikan kehujahan hadis *al-Mahdawiyyah* agar sekalian umat Islam bertambah yakin dengan akidah kemunculan *al-Mahdī* di akhir zaman. Ini berikutan wujudnya segelintir pihak yang mengingkari kehujahan hadis *al-Mahdawiyyah* dan meragui, namun ianya telah dibidas (tahzir) dan dijawab secara tuntas oleh para ulama.

Antaranya adalah Ibn Khaldūn (w.808H) yang mendakwa lemahnya hadis-hadis *al-Mahdawiyyah* di dalam *Muqaddimah*. Karya Ibn Khaldun dapat dibahagikan kepada dua iaitu karya yang bersifat sejarah dan tidak bersifat sejarah. Salah satu daripada karya yang bersifat sejarah adalah kitab *Muqaddimah* (Muhyiddin Hashim 2011). Walau bagaimanapun, dakwaan Ibn Khaldūn itu telah dijawab oleh beberapa ulama antaranya Ahmad al-Ghumārī, al-Wābil, al-Abbād dan al-Bustawī. Dapat difahami daripada penghujahan mereka bahawa terdapat beberapa kesalahan pada metodologi krtitikan hadis (*naqd al-hadith*) yang dipratikkan oleh Ibn al-Khaldun. Adapun begitu, pandangan Ibn Khaldūn ini tidak membawa kepada pengingkaran secara keseluruhannya tetapi hanya menunjukkan keraguannya dalam berinteraksi dengan status hadis *al-Mahdawiyyah* (al-Bustawi 1999). Kemudian, al-Wābil (1994) di dalam karyanya menyebutkan bahawa bidang hadis ini bukanlah termasuk di dalam kepakaran utama Ibn Khaldun sehingga pentashihan dan pendaifannya perlu diterima tanpa menelitinya terlebih dahulu. Ini merujuk kepada kenyataan beliau di dalam *Muqaddimah*nya. Beliau berkata : *Ini merupakan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para imam berkenaan al-*

Mahdī di akhir zaman. Aku berpandangan bahawa hadis tentang al-Mahdī ini masih belum tuntas penilaian dan kritikan terhadapnya kecuali hanya sedikit. (Ibn Khaldūn 2004 : 574). Ia menunjukkan bahawa hanya sedikit sahaja hadis yang telah diteliti oleh para *muhaddithīn* menurut Ibn Khaldūn. Kemudian al-Wābil menjawab sanggahan Ibn Khaldūn itu dengan mengatakan: “Walaupun hanya terdapat satu hadis, maka ianya sudah memadai untuk menjadi hujah berkenaan al-Mahdī, bagaimana pula jika hadis-hadisnya itu sahih dan *mutawatir*?”. Senada dengan itu, Ahmad Syakir (w.1377H) juga telah mengkritik Ibn Khaldūn (w.808H) bahawa beliau tidak begitu cermat dalam memahami pandangan *muhaddithīn* “*al-jarḥ* terlebih dahulu daripada *al-ta’dīl*” dan berkemungkinan Ibn Khaldūn telah memahami prinsip *muhaddithīn* tersebut tetapi beliau mendaifkan hadis *al-Mahdī* itu agar selari dengan pandangan politik pemerintah pada zamannya. Ahmad Syākīr (1956) menyebut lagi di dalam *ta’liq*nya dalam Musnad Imam Ahmad bahawa kritikan Ibn Khaldūn terhadap hadis *al-Mahdī* dipenuhi dengan banyak kekeliruan pada nama perawi dan kekeliruan pada menyatakan permasalahan *‘ilal*. (Musnad Imam Ahmad 1956 : 197-198). Terdapat beberapa lagi ulama lain yang menolak pandangan Ibn Khaldūn (w.808H) dalam isu ini seperti Sadiq Hasan Khan dalam *al-Idhā’ah*, Syams al-Haq al-‘Azim ‘Abādī dalam *‘Aun al-Ma’būd*, ‘Abd al-Rahman al-Mubārakfūrī dalam *Tuḥfat al-Ahwādhi*, al-Albani dalam *takhrijnya* dan ‘Abd Allāh bin Muhammad dalam *Ibrāz al-Wahm* (al-Bustawi 1999).

Antara yang terkesan dan terpengaruh dengan kritikan Ibn Khaldūn adalah Rashid Riḍā (w.1935M) di dalam *Tafsir al-Manār* dalam membahaskan tentang hadis *al-Mahdawiyyah*. Beliau menyebutkan : “Adapun percanggahan pada hadis *al-Mahdī* itu sangat jelas dan sangat kuat, untuk menghimpunkan antara riwayat hadis *al-Mahdī* pula sangat sukar, yang mengingkarinya pula ramai, kekaburan pada hadis *al-Mahdī* pula sangat ketara. Oleh kerana itu, hadis *al-Mahdī* tidak dimasukkan oleh Bukhari dan Muslim dalam kitab *Sahīh* mereka.” (Rashid Riḍā 1947, 9 : 499). Kemudian beliau menyebutkan lagi dalam tafsirnya bahawa *Isrāīliyyat* telah menyerap masuk ke dalam kitab-kitab hadis dan sebahagian hadis *al-Mahdawiyyah* itu telahpun dipalsukan oleh golongan Syiah. Kemudian, al-Wābil menjawab akan beberapa dakwaan Rashid Rida bahawa hadis *al-Mahdawiyyah* yang diriwayatkan oleh para imam merupakan hadis yang mencapai tahap *mutawātir ma’nawi* selari dengan pandangan al-Āburī, al-Syawkānī, al-Kattānī, al-Qinnaūjī dan al-Safārīnī.

Adapun jawapan berkenaan dakwaan al-Bukhārī (w.256H) dan Muslim (w.261H) tidak memasukkan hadis *al-Mahdawiyyah* ke dalam kitab *Sahīh* mereka, al-Wābil menyebutkan bahawa sesuatu hadis itu tidak semestinya hanya disusun dalam *Ṣahīhain* bahkan ada juga hadis sahih yang disusun dalam kitab lain seperti *al-sunan*, *al-masanid* dan *al-ma’ājim* (al-Wābil 1994). Sehubungan dengan itu, Ibn Kathīr (w.774H) menyebutkan dalam *Ikhtīṣār ‘Ulūm al-Hadith* bahawa al-Bukhārī dan Muslim itu tidak semestinya meriwayatkan semua hadis yang dihukumkan sahih kerana mereka berdua juga ada mensahihkan sesuatu hadis tetapi tidak diriwayatkan dalam kitab mereka. Ia selari dengan apa yang disebutkan oleh Tirmidhī (w. 279H) bahawa Bukhari ada menghukumkan sahih hadis-hadis yang tidak dibawa masuk ke dalam *Sahihnya* (Ibn Kathīr t.t) . Lantaran itu, Ibn Salāh (w.643) mendatangkan kenyataan al-Bukhārī dalam *Muqaddimah*nya bahawa : “Aku tidak memasukkan hadis ke dalam *Jami’ku* melainkan yang sahih sahaja, dan aku meninggalkan lebih banyak hadis sahih yang lain kerana dibimbangi ianya akan menjadi panjang” (Ibn

Ṣalāh 2011) Kemudian, dakwaan mengenai israīliyyat telah meresap ke dalam kitab hadis dan sebahagian hadis *al-Mahdawiyyah* telah dipalsukan oleh Syiah. Menurut al-Wābil, dua dakwaan ini ada sudut kebenarannya tetapi perlu diingat bahawa ahli hadis telah menunjukkan yang sahih dan yang tidak sahih. Muhaddithin telah mengarang kitab dalam konteks menjelaskan hadith palsu, menerangkan riwayat yang ḍa'if dan meletakkan kaedah yang terperinci dalam menilai perawi sehingga tidak ada kebohongan melainkan muhaddithin telah menjelaskannya (al-Wābil 1994). Walaupun terdapat pihak yang meragui dan menolak kewibawaan hadis *al-Mahdawiyyah*, umat Islam perlu kekal teguh bersama majoriti ahli ilmu yang mendukung kemutawiatiran dan kehujahan hadis *al-Mahdawiyyah*.

Biografi ‘Abd Allāh al-Ghumārī Dan Pengenalan Kitab *al-Mahdī al Muntazar*

1. Nama, Keturunan, Kelahiran dan Kewafatan.

Beliau adalah Sayyid ‘Abd Allāh bin Muhammad bin Muhammad bin Siddiq al-Ghumārī al-Ḥasanī al-Idrisī dan diberi gelarkan sebagai Abū al-Faḍl (al-Jabbari 2011). Suatu kemuliaan kepadanya apabila nasab keturunan bapa dan ibunya sampai kepada Saidina Ali dan Saidina Fatimah al-Zahra’ binti Rasulullah SAW (al-Ghalbazuri 2001). ‘Abd Allāh al-Ghumārī dilahirkan pada penghujung Jamadil Akhir atau pada permulaan Rajab tahun 1328H/1910M di sebuah wilayah Utara Maghirbi iaitu Tanjah (Tangier) dan beliau dibesarkan dalam suasana keilmuan dan kemuliaan berikutan bapanya seorang ulama terkenal di Tanjah dan salasilah keturunannya yang sampai kepada Rasulullah SAW. Ibunya pula merupakan keturunan daripada seorang ulama tersohor di Maghribi iaitu Ahmad Ibn ‘Ajīb al-Ḥasanī (w.1223H) yang mengarang kitab *Iqāz al-Himam fi Syarḥ Ḥikam* (al-Ghumārī 2016, 1: 197). ‘Abd Allāh al-Ghumārī telah wafat pada tarikh 11 Februari tahun 1993M atau ketika umurnya 85 tahun dan dimakamkan bersebelahan makam ibu dan bapanya di Zawīyyah al-Ṣiddīqiyyah (al-Ghalbazuri 2001).

2. Latar Pendidikan.

Bermula daripada kecil al-Ghumārī telah dididik oleh ayahnya untuk mendalami ilmu agama. Beliau dihantar ke *al-kuttab* oleh untuk menghafaz Al-Quran dengan beberapa orang guru seperti ‘Abd al-Karīm al-Barrāq dan Muḥammad al-Andalusī di samping al-Ghumārī menguasai bacaan riwayat *Warsh* dan *Ḥafṣ*. (Farouk Hamadah 2006). Sebagai persediaan sebelum dirinya mendalami ilmu yang lebih tinggi, al-Ghumārī telah menghafal beberapa matan ilmu seperti *Manzumah al-Harrāz*, *Maurid al-Ḍaman*, *Matan al-Arba’in al-Nawawiyyah*, *Matan al-Ajurrumiyyah* dan sebahagian matan lain seperti *Alfiyah Ibn Mālik*, *Bulūgh al-Marām* dan *Mukhtaṣar Khalīl* (al-Ghumārī 2016, 1: 200). Pada Syawal 1334H, beliau telah diarahkan oleh ayahnya untuk menyambung pengajian di Universiti al-Qarawiyyin, Fes yang telah melahirkan ramai tokoh tersohor dalam dunia Islam semisal Ibnu Khaldūn, al-Idrisi, Ibn Battutah dan Ibnu ‘Arabi. Di al-Qarawiyyin, al-Ghumārī telah tekun dalam mempelajari kitab daripada pelbagai bidang ilmu seperti *Alfiyah Syarḥ Ibn Aqīl*, *Hasyiah al-Sujā’i*, *Mukhtaṣar Syeikh Khalīl* bersama *Syarḥ al-Khurāsyī*, *Syarah al-Qastallānī*, *Hasyiah al-Syinwānī* dan *Tafsīr al-Jalālayn* (Farouk Hamadah 2005).

Pada peringkat seterusnya, al-Ghumārī telah menyambung pula pengajian ke Universiti al-Azhar, Mesir berkelana bersama abang kandungnya Sayyid Aḥmad al-Ghumārī pada tahun 1931M. Jika di Maghribi beliau banyak menekuni karya-karya ulama yang beraliran Maliki, berbeza pula di Mesir beliau majoritinya mempelajari silibus pengajian mazhab Syafie seperti *Minhāj al-Wusūl*, *Jam' al-Jawāmi'*, *Iqnā' Syarah Abi Shujā'* dan *Manhaj al-Tullāb* (al-Ghumārī 2016, 1 : 211). Ketika di Mesir, al-Ghumārī telah berjaya mendapat pengiktirafan daripada guru-guru di al-Azhar dengan memperolehi dua jenis sijil iaitu *Shahādah al-'Ālamiyyah li al-Ghurabā'* dan *Shahādah al-'Ālamiyyah al-Azhariyyah*. Kedua-dua sijil pengiktirafan ini diperolehi dengan menduduki ujian dalam pelbagai bidang ilmu (al-Jabbari 2011).

3. Guru dan Murid.

'Abd Allāh al-Ghumārī telah menekuni ilmu dengan ramai guru daripada sekalian belahan dunia Islam. Beliau mendalami ilmu hadis, fiqh, usul fiqh, nahu, sorof, mantik, tauhid dan lain-lain. Antara guru al-Ghumārī yang telah membentuk penguasaan ilmunya adalah seperti yang direkodkan oleh al-Jabbari (2011), antaranya : Muhammad bin Siddiq al-Ghumārī (bapa), Aḥmad al-Ghumārī (abang kandung), 'Abd al-Karīm al-Barrāq, Muhammad al-Andalūsī, Muhammad bin Abd al-Ḥāfīz Ibn 'Ajībah (bapa saudara), al-Ḥabīb al-Muḥājī, Muhammad bin al-Hāj, Aḥmad bin Ṭayyīb al-Qādirī, Abū al-Syatā' al-Ṣanhājī, Hussien al-'Irāqī, 'Abd al-Hayy al-Kattānī, al-'Abbās bin Abū Bakr al-Bannānī, Sayyid Idris al-Marakeshī, Abd al-Qādir al-Zintānī, Hāmid Jād, Muhammad 'Izzat, 'Abd al-Majīd al-Syarqāwī, Muhammad Bakhīt al-Muṭī'i dan Muhammad bin Muhammad al-Khalifah. Seterusnya, kemampanan ilmu yang ada pada 'Abd Allāh al-Ghumārī telah melahirkan ramai murid dan tokoh yang berjasa hari ini antaranya : 'Abd al-Fattāh Abū Ghuddah, Muhammad 'Awwāmah, 'Alī Jum'ah al-Misrī, Soleh al-Ja'farī, Farouk Ḥamādah, Ḥassan al-Saqqāf dan Maḥmūd Sa'id Mamdūḥ (al-Ghumārī 2016, 1: 244).

4. Karya dan Penulisan

Sebagai seorang yang digelar *al-mutafannin (polymath)*, 'Abd Allāh al-Ghumārī banyak menulis karya yang mencakupi pelbagai bidang ilmu Islam. Penulisanannya yang pertama adalah ketika beliau masih lagi muda iaitu *Tashyīd al-Mabāni* yang menghuraikan *Matan al-Ajurrumiyyah*. Selain itu terdapat karya-karya utama yang lain seumpama *Itqān al-Ṣan'ah fi Tahqīq Ma'nā Bid'ah*, *Fath al-Mu'in bi Naqd Kitāb al-Arba'in fi Dalā'il al-Tauḥīd*, *al-Kanz al-Thamīn fi Ahādīth al-Nabi al-Amīn*, *Ḥusn al-Tafahhum wa al-Dark*, *Bida' al-Tafāsir*, *Taujih al-'Ināyah li Ta'rīf 'Ilm al-Hadīth Riwayah wa Dirāyah* dan kitab yang menjadi fokus pada analisis dalam kajian ini iaitu *al-Mahdī al-Muntaẓar* (Farouk Hamadah 2005).

5. Pengenalan Kitab *al-Mahdī al-Muntaẓar*.

Berikutan wujudnya golongan yang mengingkari kewujudan dan meragui akan kemutawatiran hadis *al-Mahdawiyyah*, maka 'Abd Allāh al-Ghumārī telah mengarang dan

menyusun suatu kitab membahaskan perihal *al-Mahdī* secara khusus (al-Ghumārī 2016, 3: 437). Penulisan tentang *al-Mahdī* telah dimulakan oleh ulama terdahulu, lalu al-Ghumārī hadir pada era moden ini turut menulis berkenaannya rentetan daripada masih ada pihak-pihak tertentu yang meragui tentang *al-Mahdī*. Apabila dirujuk kepada *Mausū'ah* (ensiklopedia) ‘Abd Allāh al-Ghumārī (2016), dapat dilihat bahawa karya ini dimasukkan ke dalam juzuk kedua itu *Kitāb al-Īman*. Ia adalah kombinasi antara perbahasan teras akidah dan hadis yang diadun bersama dalam sebuah kitab. Penyusunan kitab ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri iaitu dimulakan dengan menjelaskan akan kemutawatiran hadis *al-Mahdawiyyah* secara tuntas yang dirumuskan berdasar pandangan ulama sebelumnya. Kemudian, al-Ghumārī menyusun sekumpulan hadis *al-Mahdawiyyah* mengikut nama sahabat dan tabi'in diikuti dengan mendatangkan takhrij dan komentar bagi setiap hadis. Ini sedikit berbeza daripada karya ulama terdahulu yang menyusun hadis *al-Mahdawiyyah* mengikut pecahan topik dalam perbahasan *al-Mahdī*. Dalam gaya penulisan yang lebih interaktif, ‘Abd Allāh al-Ghumārī membawa datang beberapa masalah (*masā'il*) atau perbincangan berkenaan *al-Mahdī* secara umum dan hadis *al-Mahdawiyyah* secara khusus dalam bentuk soal jawab. Di dalam helaian kitab ini terdapat sudut pandang al-Ghumārī yang perlu diketengahkan dalam menanggapi hadis *al-Mahdawiyyah* yang pelbagai.

Sudut Pandang ‘Abd Allāh al-Ghumārī Terhadap Hadis *al-Mahdawiyyah*.

Kitab *al-Mahdī al-Muntaẓar* ini adalah kesinambungan daripada dua kitab yang dikarang oleh ‘Abd Allāh al-Ghumārī sebelumnya. Dua karya tersebut secara jelas menegaskan hujah berkenaan turunnya Nabi Isa A.S pada akhir zaman dan membatalkan hujah mereka yang mengingkarinya iaitu *Iqāmat al-Burhān ‘alā Nuzūl ‘Isa fī Ākhir al-Zamān* dan *Aqīdah al-Ahl Islām fī Nuzūl ‘Isā ‘Alaihi al-Salām* (al-Ghumārī 2016, 3: 437). Lanjutan daripada keseseriusan al-Ghumārī dalam membendung ideologi pengingkaran terhadap penurunan Nabi Isa A.S, beliau meneruskan lagi dengan penulisan metodologinya hampir sama iaitu membahaskan perihal *al-Mahdī* dan hadis *al-Mahdawiyyah*. Sudut pandang beliau terhadap hadis *al-Mahdawiyyah* boleh dibahagikan kepada beberapa aspek dan isu antaranya :

1. Tanggapan Terhadap Pihak Yang Mengingkari Hadis *al-Mahdawiyyah*.

Di dalam bahagian mukadimah kitab, ‘Abd Allāh al-Ghumārī mensabitkan pihak yang mengingkari hadis *al-Mahdawiyyah* sebagai ahli bidaah. Ini bermakna pengingkaran terhadapnya tidak jatuh sampai kepada tahap kufur tetapi hanya disabitkan sebagai ahli bidaah. Ianya difahami berdasarkan nukilan al-Ghumārī dalam karyanya itu :*Dan aku menerangkan tentang kemutawatirannya (hadis al-Mahdawiyyah) dan pengingkarnya dikira sebagai ahli bid'ah yang sesat* (al-Ghumārī 2016, 3: 437). Pada bahagian yang lain, al-Ghumārī dilihat mengkritik segelintir tenaga pengajar atau guru di al-Azhar yang kurang cakna mengenai hadis yang menjadi bukti akan kemunculan *al-Mahdī* lantas mensabitkan hadis-hadisnya sebagai daif. ‘Abd Allāh al-Ghumārī menegaskan bahawa telah sepakat para *oleh huffāz dan nuqqād* terhadap kemutawatiran hadis *al-Mahdawiyyah*. Penegasan ini merujuk kepada kenyataan beliau : *Tidakkah engkau tanya kepada mereka (segenlir guru*

al-Azhar) tentang sebab keadaifannya dan siapa yang mendaifkannya daripada kalangan huffaz? Jika ditanya kepada mereka pasti mereka tidak mampu menjawabnya. demi Allah. Bagaimana mungkin hadis-hadis al-Mahdī (yang disabitkan daif) boleh disepakati oleh huffāz dan nuqqād? (al-Ghumārī 2016, 3: 439).

‘Abd Allāh al-Ghumārī telah merungkaikan masalah berkaitan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Bakr al-Iskāfi dalam *Fawāid al-Akhhār* daripada jalan Malik bin Anas: *Barangsiapa yang mendustai al-Mahdī maka dia kufur, dan barangsiapa yang mendustai al-Dajjal maka dia kufur*. Beliau mendakwa bahawa pasti wujud perawi yang pendusta di dalam jaluran sanad hadis tersebut dan perawi tersebut sengaja menggunakan nama Malik bin Anas untuk mengaburi masyarakat bahawa ianya hadis yang sahih. Walau bagaimanapun al-Ghumārī tidak mendatangkan penghujahannya dalam penilaian perawi hadis tetapi beliau menjawab mengikut kaedah usul fiqh dan usul hadis. Menurutnya, seseorang itu tidak jatuh ke tahap kufur apabila mereka menolak hadis *al-Mahdawiyyah* dalam keadaan mereka tidak mengetahui secara pasti akan kemutawatirannya ataupun mereka itu golongan yang mentakwilkan hadis *al-Mahdawiyyah*. Walau bagaimanapun, dihukumkan kufur itu hanya apabila seseorang itu menolak dan mengingkari hadis *al-Mahdawiyyah* dalam keadaan telah mengetahui secara pasti akan kemutawatirannya tanpa ada apa-apa takwilan yang boleh diterima. Kesimpulannya, Ahli Sunnah wal Jamaah tidak mengkufurkan mereka yang menolak hadis *al-Mahdawiyyah* dalam keadaan tidak mengetahui akan kemutawatirannya atau mereka yang mentakwil hadis *al-Mahdawiyyah* hanya dihukumkan sebagai ahli bidaah sahaja (al-Ghumārī 2016, 3).

Seterusnya, telah disebutkan sebelum ini bahawa Ibn Khaldūn mempunyai sedikit kontroversi dalam isu hadis *al-Mahdawiyyah*. Al-Ghumārī berpendirian sama seperti guru kepada gurunya iaitu Muhammad bin Ja’afar al-Kattānī (w.1345H) yang membidas kritikan Ibn Khaldūn terhadap hadis *al-Mahdawiyyah* dengan menaakalkan daripada teks *Naẓm al-Mutanāthir min Hadīth al-Mutawātir*. Ibn Khaldūn mendakwa bahawa banyak jalan periwayatan yang dihimpun di dalam *Muqadimah*nya itu bahawa hadis *al-Mahdawiyyah* terdapat padanya kecacatan. ‘Abd Allāh al-Ghumārī di dalam kitab *al-Mahdī al-Muntaẓar* ini tidak terlalu vokal dan agak sederhana dalam mengkritik Ibn Khaldūn kerana beliau menyebutkan bahawa abang kandungnya ; Ahmad al-Ghumārī (w.1380H) telah membidas dakwaan Ibn Khaldūn secara tuntas dan panjang lebar di dalam sebuah kitab *Ibrāz al-Wahm al-Maknūn min Kalām Ibn Khaldūn*, maka tidak perlu beliau menjawabnya lagi (al-Ghumārī 2016, 3: 442). Ia kerana tujuan utama al-Ghumārī mengarang kitab ini bukan untuk mengkritik Ibn Khaldūn semata tetapi untuk menghimpunkan hadis *al-Mahdawiyyah* dengan menyandarkan kepada sumber asal dan membahaskannya daripada kaca mata ilmu hadis dan usul fiqh agar nilai kemutawatirannya dapat dirasai oleh umat Islam.

2. Pendirian Terhadap Kemutawatiran Hadis *al-Mahdawiyyah*.

Kitab *al-Mahdī al-Muntaẓar* dimulakan dengan fasal yang membahaskan tentang kemutawatiran hadis *al-Mahdawiyyah*. Pada bahagian ini ‘Abd Allāh al-Ghumārī berpendirian selari dengan ulama lain pada menyebutkan kemutawatiran hadis *al-Mahdawiyyah*. Beliau menaakalkan kenyataan beberapa orang ulama antaranya al-Āburri

daripada kitabnya *Manāqib al-Syafie*. Kenyataan al-Āburī ini telah dipegang dan diperakui oleh ramai ulama dan dimasukkan di dalam kitab mereka apabila menyebutkan berkenaan kemutawatiran hadis *al-Mahdawiyyah* semisal al-Qurṭubī dalam *al-Tadhkirah*, Ibn Ḥajar dalam *Fath al-Bārī*, al-Zurqani dalam *Syarah al-Mawāhib* dan lain-lain. Selain itu ‘Abd Allāh al-Ghumārī berpegang kepada kenyataan ulama Ahli Sunnah wal Jamaah yang lain dengan menaqqalkan pandangan mereka seperti Muhammad bin Idris al-‘Irāqī, al-Qinnaujī, Muhammad Jassūs, al-Syaukani, ‘Abd al-Rahman al-Fāsī, al-Safārīnī dan al-Kattānī (al-Ghumārī 2016, 3).

Tuntasnya, al-Ghumārī teguh berpendirian bahawa hadis *al-Mahdawiyyah* sangat jelas kemutawatiran tanpa ada keraguan walaupun ianya datang daripada hadis sahih, hasan dan daif. Ini berikutan terlalu banyak hadis yang membicarakan mengenai *al-Mahdī* daripada kalangan sahabat dan tabi’in dan diriwayatkan di dalam kitab-kitab hadis. Pendirian al-Ghumārī ini diaplikasikan dalam metodologi penyusunan hadis *al-Mahdawiyyah* apabila beliau mendatangkan riwayat daripada 33 orang sahabat dan 5 orang tabi’in bagi memberi gambaran jelas akan jalan periwayatan (*turūq*) yang banyak dan *syawāhid mutāb’aāt* yang saling menyokong antara satu sama lain. Semua hadis yang dinyatakan sama menceritakan tentang *al-Mahdī* dalam teks dan konteks yang pelbagai sehingga menatijahkan mutawatir ma’nawī (al-Ghumārī 2016, 3: 445).

3. Praktikaliti Sanad Hadis *al-Mahdawiyyah*.

‘Abd Allāh al-Ghumārī digelar *al-muḥaddith* berikutan kepakarannya dalam berinteraksi sanad dan matan hadis (al-Ghalbazuri 2001). Kehujahan hadis *al-Mahdī* terbina daripada sanad periwayatannya yang pelbagai. ‘Abd Allāh al-Ghumārī (2016) menggambarkan kehujahan sesuatu hadis dengan mendatangkan sanad yang pelbagai. Contohnya, beliau mendatangkan sanad Abu Dawud berkenaan riwayat ‘Abd Allāh bin Mas’ud daripada Rasulullah: *Jika tidak berbaki daripada dunia kecuali satu hari, maka Allah akan memanjang hari itu sehingga Allah mengutuskan seorang lelaki daripada ahli bait yang namanya seperti namaku dan nama ayahnya seperti nama ayahku* (Abu Dāud, *Awwalu Kitāb al-Mahdī*, 4282). Beliau membentangkan jalan periwayatan yang lain daripada sanad Ibn Hibbān, al-Hākim, al-Ṭabranī, Ahmad dan al-Tirmizi yang mana kesemuanya jaluran sanadnya bertemu pada ‘Asim bin Abu al-Nujud kemudian daripada dua orang perawi iaitu Sufyan al-Thauri atau Zir bin Hubaish, kemudian diriwayatkan daripada sahabat iaitu ‘Abd Allāh bin Mas’ūd. Para *muḥaddithin* mensabitkan ketiga-kita daripada mereka sebagai *thiqah* dalam meriwayatkan hadis. Selain itu, ‘Abd Allāh al-Ghumārī juga membawa hadis yang sama tetapi diriwayatkan daripada sahabat (*syawāhid*) yang lain seperti ‘Ali bin Abi Talib, Abu Hurairah dan Hudhaifah bin al-Yaman. Metode menghimpun sanad (*jam’ al-turūq*) yang dipraktikkan oleh al-Ghumārī dapat menampung sesuatu hadis ke atas hadis yang dan sekaligus menguatkan lagi kehujahan dan kemutawatiran hadis *al-Mahdawiyyah*.

4. Perbahasan Kritik Hadis *al-Mahdawiyyah*.

‘Abd Allāh al-Ghumārī telah merungkaikan permasalahan berkenaan suatu hadis yang lafaznya bercanggah dengan banyak hadis *al-Mahdawiyyah* iaitu : *Tiada al-Mahdī melainkan ‘Isa Ibn Maryam* (Ibn Majah, Kitab al-Fitan 4039). Lafaz hadis ini telah digunakan oleh sebahagian pihak untuk menolak keabsahan *al-Mahdī*. Hadis ini telah diriwayatkan di dalam beberapa karya seperti Ibn Mandah dalam *Fawāid*, al-Quḍā’i dalam *Musnad al-Syihāb*, al-Hakim dalam *Mustadrak* dan Ibn Mājah dalam *Sunannya*. ‘Abd Allāh al-Ghumārī berkata Ibn Majah bersendirian (*tafarrud*) dalam membawakan hadis ini dalam kalangan *Sunan Sittah* dan al-Hakim pula membawa hadis ini dalam *Mustadrak* bukan untuk dijadikan *hujjah* yang menepati syarat al-Bukhārī dan Muslim, bahkan al-Hākim pelik dan meragui lafaz hadis ini (al-Ghumārī 2016, 3:503). Al-Ghumārī menegaskan pada bahagian ini bahawa lafaz hadis tersebut adalah batil dan palsu serta ianya tidak disebutkan oleh Nabi SAW (al-Ghumārī 2016, 3:504).

Pensabitan tentang kepalsuan dan kebatilan lafaz hadis ini adalah berdasarkan analisis al-Ghumārī yang menemui dua orang perawi bermasalah iaitu Muhammad bin Khālid al-Janadī dan Yūnus bin ‘Abd al-A’lā. Al-Ghumārī merumuskan bahawa al-Janadī ini merupakan seorang dikritik (*majrūh*) kerana Abu Hātim, al-Āburī, al-Hākim dan Ibn Ṣalāh menuduhnya sebagai *majhūl* (tidak dikenali). Kemudian al-Azdī menuduhnya sebagai periwayat hadis *munkar* (*munkar al-hadīth*) dan Ibn ‘Abd al-Bār menuduhnya sebagai *matrūk* (hadisnya ditinggalkan). Walaupun Yahyā bin Ma’in memujinya *thiqah* (*tauthīq*), tetapi ahli hadis tidak menerima *tauthīq*nya ke atas al-Janadī (al-Ghumārī 2016, 3:504). Al-Ghumārī meneliti bahawa jalan periwayatan lain selain al-Janadī seperti Tabrani dalam *al-Ṣaghīr* dan al-Hākim pada sanadnya yang lain. Jelas ianya tidak mempunyai penambahan (*ziyādah*) seperti yang dibawa oleh al-Janadī (al-Ghumārī 2016, 3:505). Tambahan daripada Ibn ‘Abd al-Bār dalam *al-Tamhīd* menyatakan bahawa al-Janadī ini telah melakukan penambahan yang batil dan beliau menggelarnya sebagai *matrūk*.

Kemudian di dalam sanad tersebut terdapat perawi bernama Yūnus bin ‘Abd al-A’lā. Sanad periwayatan hadis tersebut menunjukkan bahawa Yūnus mendengar hadis daripada al-Syafie. Hakikatnya, ahli hadis memuji Yūnus sebagai *thiqah* dan diketahui beliau adalah perawi hadis daripada *Ṣaḥīh Muslim*. ‘Abd Allāh al-Ghumārī berpegang kepada pandangan al-Dhahabi yang memuji Yūnus sebagai *thiqah* kecuali apabila beliau bersendirian dalam mendengar hadis daripada al-Syāfie dalam meriwayatkan lafaz hadis: “*Tiada al-Mahdī kecuali ‘Isa Ibn Maryam*”, kerana riwayatnya menjadi *munkar*. Seterusnya, Ibn Hajar menyebutkan di dalam *al-Tahdhīb al-Tahdhīb* bahawa Yūnus bin ‘Abd al-A’lā merupakan seorang yang *ḥāfiẓ* tetapi ditolak oleh ahli hadis apabila beliau bersendirian dalam meriwayatkan hadis daripada al-Syafie (al-Ghumārī 2016, 3: 506). ‘Abd Allāh al-Ghumārī juga mengaplikasikan ilmu usul fiqh dalam berinteraksi dengan hadis ini. Beliau berpandangan bahawa sesuatu khabar atau berita yang disampaikan oleh Nabi SAW tidak termasuk dalam perbahasan *nāsikh* dan *mansūkh* seperti sifat Allah SWT, kisah umat terdahulu dan perihal akhir zaman. Ia hanya terpakai pada perkara yang melibatkan hukum syarak. Adapun perkhbaran *al-Mahdī* adalah perkara yang benar daripada wahyu Nabi SAW dan akan berlaku kemunculannya pada akhir zaman.

Kesimpulan al-Ghumārī dalam perbahasan ini adalah hadis tersebut merupakan hadis yang palsu, dusta dan direka-reka. Beliau menyarankan agar tidak ada pihak yang berhujah dengan lafaz hadis ini atau menggunakannya untuk menentang kemutawatiran hadis *al-Mahdawiyyah* (al-Ghumārī, 3: 507). Jelas bahawa, al-Ghumārī merupakan seorang *muḥaddith* yang berprinsip dalam menolak kebatilan berdasarkan kepakarannya dalam ilmu *jarḥ wa al-ta'dil* dan perbandingan riwayat apabila menjawab hadis tersebut.

KESIMPULAN

Tuntasnya, perbahasan mengenai hadis *fitan* dan *malāḥim* adalah cukup luas dan mempunyai tatacara interaksi yang tersendiri untuk memahaminya. Pengkhususan mengenai hadis *al-Mahdawiyyah* pula mempunyai pelbagai aspek untuk diteliti dan dikaji sama ada daripada kacamata ilmu hadis dan fiqh hadis. Para ulama Ahli Sunnah wal Jamaah daripada kalangan *mutaqaddimīn* dan *mutaakhirīn* dilihat bersepakat dalam mendokong dan memperakui kehujahan hadis *al-Mahdawiyyah* yang menjadi bukti kemunculan Imam Mahdi di akhir zaman kelak. Segala tohmahan dan kritikan telah dijawab dan dibidas secara ilmiah dalam karya yang pelbagai. Justeru, ‘Abd Allāh al-Ghumārī sebagai seorang tokoh kontemporari berperanan dalam mengukuhkan kesepakatan ulama secara holistik dan menambah beberapa hujahan ilmiah dalam membela hadis *al-Mahdawiyyah*. Kompetensi al-Ghumārī sebagai seorang *muḥaddith* menjawab permasalahan berkait mengenai *al-Mahdī* dalam kitab *al-Mahdī al-Muntazar* menatijahkan kefahaman yang jitu dan menjauhkan umat daripada keraguan mengenainya. Kemunculan *al-Mahdī* merupakan suatu tanda kiamat yang wajib diimani dan dijadikan pegangan kerana khabar mengenainya sudah mencapai tahap mutawatir dalam kesepakatan ulama semisal al-Āburī, al-Safārī, al-Kattānī, al-Syawkānī, al-Qinnaujī dan ramai lagi. Oleh kerana itu, memahami konteks perbahasan *al-Mahdī* juga perlu mengikut kerangka Ahli Sunnah wal Jamaah kerana era moden ini terlalu banyak pihak yang bermudah-mudahan dalam mendakwa tentang *al-Mahdī* sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Al-‘Abbād, ‘Abd al-Muhsin bin Hamad. (1996). *Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Āthār fī al-Mahdī al-Muntazar*. Mesir, Kaherah Maktabah al-Sunnah.

Aḥmad bin Ḥanbal. (1956). *Musnad Imām Aḥmad bin Ḥanbal*. Pentahqiq: Ahmad Syakir. Mesir: Dar al-Maarif.

Aminduddin Basir & Akila Mamat. (2016). Konsep Berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah Menurut Manhaj Ahli Hadith. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 12(1):48-58.

Al-‘Asqalānī, Ibn Hajar. (2018). *Nuzhat al-Nazar fī Tauḍīh Nukhbat al-Fikar*. Syria, Halab: Dar al-Itrah al-Nabawiyyah.

Al-Barzanjī, Muhammad bin Rasul. (2005). *al-Ishā’ah li Ashrāt al-Sā’ah*. Cetakan Ketiga. Lubnan, Beirut: Dar al-Minhaj.

- Al-Bustawī, Abd al-Alim ‘Abd al-Zaim. (1999). *al-Mahdī al-Muntaẓar fī Dhau’ al-Ahādīth wa al-Athār al-Ṣaḥīhah wa Aqwāl al-‘Ulamā’ al-Firāq al-Mukhtalifah*. Cetakan Pertama. Lubnan, Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Farouk Ḥamādah. (2006). ‘*Abd Allāh bin Siddīq al-Ghumārī al-Ḥāfiẓ al-Nāqid*. Makalah: ‘*Ulamā’ wa Mufakkirūn Mu’āsirun Lamahāt Ḥayātihim wa Ta’rīf bi Muallafātihim*, Edisi :29. Cetakan Pertama. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Ghalbazuri, Nusaibah. (2001). ‘*Abd Allāh bin al-Siddīq al-Ghumārī: Juhūduhu wa Manhājuhu fī al-Tafsīr wa ‘Ulūm al-Qurān*. Tesis Peringkat Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Muhammad V. Rabat, Maghribi.
- Al-Ghourī, Abdul Majid. (2013). *al-Muyassar Ilm Muṣṭalāh al-Hadīth*. Cetakan Ketiga. Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Al-Ghumārī, ‘Abd Allāh bin Siddīq. 2016. *Mausū’ah al-‘Allāmah al-Muḥaddith al-Mutafannin Sayyidi al-Syarīf ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Ṣiddīq al-Ghumārī al-Ḥasanī*. Cetakan Kedua. Mesir, Kaherah-Iskandariah: Dar al-Salam.
- Hibbi Farihin. (2016). Hermeneutika Rabbaniy Ala Hadis Qudsi Riwayat Huzaifah Bin al-Yaman. *Riwayah: Jurnal Studi Hadis* 2(2).
- Ibn Kathir. t.t. *al-Bā’ith al-Hathīth Syarah Ikhtishār ‘Ulūm al-Hadīth*. Lubnan, Beirut: Dar al-Kutub Ilmiyyah.
- Ibn Khaldūn. (2004). *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. Cetakan Pertama. Syria, Damsyik: Dar al-Yu’rab.
- Ibn Ṣalāḥ, ‘Uthmān bin Abd al-Rahman al-Syahrāzūrī. (2011). *Muqaddimah Ibn Ṣalāḥ*. Cetakan Pertama. Syria, Damsyik: Dar al-Mustafa.
- Al-Jabbārī, ‘Abd Allāh. (2011). *al-Ijtihād al-Fiqhī ‘Inda al-Hāfiẓ ‘Abd Allāh bin Siddīq al-Ghumārī al-Ḥasanī*. Cetakan Pertama. Lubnan, Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Kattānī, Ja’afar al-Hasani. (1980). *Nazm al-Mutanāthir min Hadīth al-Mutawātir*. Lubnan, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Maḥmūd Ṭaḥḥān. (2012). *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*. Cetakan Kedua. Pakistan, Karachi: Maktabah al-Busyra.
- Al-Makkī, Abū al-‘Abbās Muhammad bin Muhammad. (t.t). *al-Qawl al-Mukhtaṣar fī Alamāt al-Mahdī al-Muntaẓar*. Kaherah, Bulaq: Maktabah al-Quran.
- Misbahuddin. (2018). Problematika Cara Memahami Hadis Akhir Zaman Dalam Pandangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. *Ushuluna: Jurnal Ilmu Ushuluddin* 4(2).
- Muhammad Rizka Muqtada. (2019). Mahdisme Dalam Hadis-Hadis Mahdawiyyah. *Jurnal Theologia* 30(2): 239-266.
- Muhyiddin bin Hashim. (2011). Ibn Khaldūn wa Mawqifuhu min ‘Ulūm al-Qurān. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 4: 73-100.
- Nuruddīn ‘Itr. (2020). *Manhaj Naqd fī ‘Ulam al-Hadith*. Cetakan Ketiga., Syria, Damsyik: Dar al-Fikri.
- Al-Qinnaujī, Muhammad Ṣadiq Ḥassan Khān. (1979). *al-Idhā’ah Li Mā Kāna Bayna Yadaīyya al-Sā’ah*. Lubnan, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Rashīd Ridā. (1947). *Tafsir al-Manār*. Cetakan Kedua. Mesir, Kaherah: Dar al-Nawadir.

- Al-Safārīnī, Muhammad bin Ahmad. (1981). *Lawāmi' al-Anwār al-Bahiyyah wa Sawāti' al-Asrār al-Athariyyah*. Syria, Damsyik: Mansyurāt Muassasah al-Khāfiqīn.
- Al-Silmī, Yūsuf bin Yaḥyā. (1989). *Al-Aqd al-Durar fī Akhbār al-Muntaẓar*. Cetakan Kedua. Jordan, al-Zarqa': Maktabah al-Manar.
- Al-Wābil, Yūsuf bin 'Abd Allāh. (1994). *Asyrāt al-Sā'ah*. Cetakan Keempat. Arab Saudi, Riyadh: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Walid, Mahmūd Rajab Hamadi. (2002). *Kasyf al-Manan fī Alāmāt al-Sā'ah wa al-Malāhim wa al-Fitan: Ru'yah al-Mustaqbal al-'Ālam al-Islāmī fī Dhau' al-Kitāb wa al-Sunnah*. Cetakan Pertama. Lubnan, Beirut: Dar Ibn Hazm.